

18 JAN 1999

KIT SIANG MAHU BAYAR DR MAHATHIR 10 SEN

KUALA LUMPUR, 18 Jan (Bernama) -- Setiausaha Agung DAP Lim Kit Siang akan mengunjungi rumah terbuka Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini esok dan akan membayar Perdana Menteri 10 sen kerana ramalan tarikh pilihan raya yang dibuatnya tidak tepat.

Pemimpin pembangkang itu meramalkan yang pilihan raya akan diadakan tahun lepas.

"Memandangkan saya berjanji akan membayar 10 sen jika ramalan saya tidak tepat, maka saya akan sampaikanya kepada Dr Mahathir semasa saya mengunjungi rumah terbuka beliau esok," kata Lim dalam satu kenyataan hari ini.

Mengenai pilihan raya akan datang, Lim berkata ada spekulasi yang ia mungkin diadakan serentak dengan pilihan raya negeri Sabah tidak lama lagi.

Lim juga mengucapkan Selamat Hari Raya kepada umat Islam di seluruh negara.

-- BERNAMA

ES YBY PR